ANUGERAH MYHERO AWARD 英雄奖 மைஹீரோ விருது 4.0

Terma dan Syarat Pencalonan

(A) Kelayakan

i Kedua-dua pencadang dan calon mestilah warganegara Malaysia serta masih hidup semasa penyampaian anugerah.

ii Pencadang sekurang-kurangnya terlibat atau menjadi saksi peristiwa yang 'memberi impak' atau sumbangan calon. Peristiwa atau sumbangan ini hendaklah merentas kaum.

iii Peristiwa atau sumbangan yang diiktiraf itu merujuk kepada peristiwa sebenar yang berlaku di antara Hari Merdeka (31 Ogos 1957) sehingga sekarang. Tidak melibatkan cerita rekaan.

iv Calon yang dipilih dan pencadangnya mestilah bersetuju untuk ditemu bual oleh media serta diterbitkan sumbangan mereka.

v Calon tidak menerima anugerah serupa daripada mana-mana organisasi.

(B) Kaedah Penyerahan

i Untuk tujuan penilaian, pencadang hendaklah menyerahkan ringkasan sumbangan calon kepada penganjur. Butiran ringkasan sumbangan termasuk tarikh, masa, lokasi serta gambar (jika ada).

ii Ringkasan sumbangan dan borang pencalonan hendaklah diserahkan kepada penganjur sebelum 15 Mei 2023, melalui e-mel atau pos ke :
Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI)
Tingkat 7, Wisma Chinese Chamber, 258, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: 03-4253 2135 Emel: myhero@chinesechamber.org.my

iii Penyerahan yang lewat tidak akan dilayan.

iv Semua pencalonan yang dikemukakan tidak akan dikembalikan.

(C) Pemilihan dan Ganjaran

i Penganjur hendaklah mengadakan temu bual dengan calon yang disenarai pendek bagi membuat susulan butir-butir sumbangan masing-masing.

ii Semua calon yang disenarai pendek mesti menyerahkan pengisytiharan diri iaitu mengisytiharkan bahawa tiada anugerah lain yang serupa pernah diterima.

iii Panel hakim hendaklah memilih seramai 7 orang penerima (6 penerima kategori dewasa dan seorang penerima kategori remaja).

iv Ganjaran:

- *Kategori Dewasa*
  - *Calon berumur 19 tahun ke atas.*
  - *Penerima akan diberikan sijil, trofi dan wang tunai berjumlah RM5,000.*
  - *Setiap penerima diiktiraf sebagai Rakan Perpaduan (Friends of Unity) oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.*
- *Kategori Remaja*
  - Calon berumur 19 tahun ke bawah.
  - Penerima akan diberikan sijil, trofi dan hadiah wang tunai berjumlah RM3,000.
  - Setiap penerima diiktiraf sebagai Rakan Perpaduan (Friends of Unity) oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Setiap calon yang disenarai pendek dan pencadangnya masing-masing akan diberi ganjaran sijil.

***Penganjur berhak untuk menyemak Terma dan Syarat tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.*

Urusetia Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI)
Alamat: Tingkat 7, Wisma Chinese Chamber, 258, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: 03-4253 2135; Emel: myhero@chinesechamber.org.my